**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
**(AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI)**

# PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Jawatan | : | Pegawai Syariah |
| Gred Jawatan | : | LS41 |
| Kumpulan Perkhidmatan | : | Pengurusan dan Professional |
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Syariah (LS) |
| Jawatan | : | Penyelidikan dan Sekretariat, Dasar Kehematan & Operasi dan Pematuhan |
| Jadual Gaji | : | RM2,418.00 – RM9,607.00 |
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Syarat Lantikan | : | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: |

(a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
(c) kelayakan :

i. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Syariah/ Muamalat/ Perbankan dan Kewangan Islam atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON**

- Minimum 1 tahun pengalaman bekerja dalam industri Perbankan dan Kewangan Islam, Syariah dan pengkhususan Penyelidikan dan Sekretariat, Dasar Kehematan & Operasi dan Pematuhan.
- Berpengalaman dalam menilai pelbagai sekuriti produk, strategi dan amalan syariah terbaik.
- Berpengalaman menyediakan rangka kerja perancangan strategik yang berlandaskan Syariah.
- Berpengetahuan dalam perundangan Syariah seperti Islamic Financial Services Act 2013(IFSA) dan *Islamic Capital Market And Services Act* 2015.
- Berpengalaman dalam persekitaran regulator/ pelaburan/ perbankan yang berlandaskan Syariah adalah satu kelebihan.

| | | |
|---|---|---|
| Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| Fungsi Bidang Tugas Dan Tanggungjawab | : | Membantu merumus dasar mengenai perkara berhemat dan melaksanakan dasar setelah diluluskan oleh pengurusan tertinggi, membantu menjalankan kajian penanda aras yang dilaksanakan oleh badan kawalselia lain dan menjalankan analisa trend dan perkembangan industri serta mengenalpasti ruang penambahbaikan, membantu memantau keberkesanan dasar dan kerap mengendalikan sesi konsultansi dengan industri bagi mengenalpasti isu kawalselia semasa yang dihadapi oleh industri agar sentiasa patuh Syariah. |
| Tarikh Tutup Permohonan | : | 27 September 2022 |